



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN BELURAN**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

14 Mac 2019

**Kenyataan Media YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee,
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen merangkap
Ahli Parlimen Beluran Mengenai Laporan PAC Parlimen Berhubung
Pengurusan Projek Pembangunan Semula Kemudahan Sedia Ada Di
Kompleks Sukan Negara (KSNBJ), Kuala Lumpur (Projek 1) Di Bawah
Kaedah *Public Private Partnership* Di Bawah Kementerian Belia dan Sukan
(KBS).**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC Parlimen berhubung Projek Pembangunan Semula Kemudahan Sedia Ada Di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil (KSNBJ), Kuala Lumpur (Projek 1) Di Bawah Kaedah *Public Private Partnership* di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS).
- 2) Isu ini adalah penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2017 Siri 2 yang dibentangkan di Parlimen pada 3 Disember 2018.
- 3) Jawatankuasa ini, memulakan prosiding bagi isu ini pada 9 Januari 2019 dengan memanggil Dato' Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KBS serta Azman Fahmi Osman, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Perbadanan Stadium Malaysia (PSM).
- 4) Dalam mesyuarat prosiding berkenaan, Ahli-Ahli PAC Parlimen membangkitkan isu antaranya:-
 - i) Penyenggaraan KSNBJ;

- ii) *Reimbursable Sum* berjumlah RM176.91 juta;
 - iii) Sistem Penggera Kebakaran Tidak Berfungsi;
 - iv) Sijil Perakuan Bomba;
 - v) Kerja Pengubahsuaian Dalam Tempoh Kecacatan (DLP); dan
 - vi) Model Perniagaan KSNBJ.
- 5) Berdasarkan keterangan yang diberikan Dato' Lokman Hakim dan Azman Fahmi, PAC Parlimen merumuskan bahawa:-
- i) Pihak KBS sudah berjaya menyelaraskan pelaksanaan projek 1 dalam tempoh yang masa yang singkat iaitu 17 bulan menjelang Temasya Sukan Kuala Lumpur 2017. Pengeluaran Sijil Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (CCC) kepada Rukun Juang Sdn Bhd (RJSB) adalah selepas mendapat pengesahan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) serta agensi berkuasa tempatan lain yang mengesahkan KSNBJ adalah dalam keadaan yang baik serta berfungsi seperti yang dikehendaki Kerajaan. Pelaksanaan projek oleh RJSB juga adalah berkualiti tinggi kerana berjaya mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa selepas menjalani proses pembangunan semula;
 - ii) Masalah PSM dalam memainkan peranannya dengan berkesan adalah berpunca daripada kekurangan dana, perancangan tidak tersusun, rekod aset-aset dan penyelenggaraan yang tidak teratur; dan
 - iii) PSM tidak memainkan peranan dalam menghasilkan model perniagaan yang mampan dengan memanfaatkan potensi di setiap fasiliti yang dalam KSNBJ.
- 6) Berikutan itu, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan supaya:-
- i) Penyediaan Manual Operasi Standard (SOP) bagi menghasilkan penyenggaraan secara menyeluruh dan komprehensif bagi memastikan aset Kerajaan diguna dengan baik bagi memanjangkan tempoh hayat penggunaan aset tersebut;

- ii) PSM harus menyediakan anggaran keperluan untuk membiayai kos penyenggaraan yang mencukupi bagi KSNBJ termasuk kajian penanda aras stadium terbaik di negara lain;
 - iii) PSM perlu menyediakan *revenue expenditure forecast* untuk memastikan bahawa terdapat dana yang secukupnya untuk membiayai penyenggaraan kesemua stadium di bawah seliaan PSM. PAC Parlimen juga meminta KSB untuk menyediakan bajet dan anggaran peruntukan tambahan sekiranya, PSM tidak dapat menjana dana secukupnya;
 - iv) Mengesyorkan PSM bekerjasama dengan RJSB untuk menyediakan SOP dan juga latihan bagi kakitangan PSM serta membangunkan dokumen tender bagi kontrak penyenggaraan stadium yang menyeluruh dalam tempoh DLP yang akan berakhir pada 21 Julai 2019;
 - v) KBS dan PSM perlu mendapatkan dan menyimpan dokumen-dokumen penting berkaitan projek seperti *as-built drawing* serta rekod penyenggaraan di dalam format digital dan perlu disimpan dengan baik; dan
 - vi) Mengesyorkan supaya Ketua Audit Negara untuk melaksanakan audit susulan terhadap PSM selepas 2 tahun dari tarikh laporan PAC dibentangkan sebelum dikemukakan semula kepada PAC Parlimen.
- 7) Selain itu, saya serta Ahli-Ahli PAC Parlimen juga mengambil maklum serta berpuas hati terhadap keupayaan RJSB yang berjaya menyiapkan projek pembangunan semula kemudahan sedia KSNBJ dalam tempoh 17 bulan hingga membolehkan penganjuran Temasya Kuala Lumpur 2017 diadakan dengan jayanya serta mendapat pengiktirafan. Ia membolehkan KSNBJ memperoleh 10 anugerah. Antara anugerah di peringkat antarabangsa dan kebangsaan yang dimenangi adalah *Winner of Stadium of The Year by World Stadium Congress 2018 Award (Netherlands)*, *Winner of Exterior Lighting Design Award 2018 (Bangkok)* dan *Winner of The International Architecture Award 2018 (USA)*, manakala di peringkat kebangsaan pula adalah *Winner of CIDB SHASSIC 5 Star Award 2017*.

- 8) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Projek Pembangunan Semula Kemudahan Sedia Ada Di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil (KSNBJ), Kuala Lumpur (Projek 1) Di Bawah Kaedah *Public Private Partnership* di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee
Pengerusi PAC Parlimen